

SOALAN NO: 13

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Datuk William @ Nyallau anak Badak
[Lubok Antu]**

TARIKH : 22 Oktober 2015

**SOALAN : Datuk William @ Nyallau anak Badak
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
setakat mana kemajuan pelaksanaan
mengenai peruntukan akuakultur
Empangan Batang Ai yang
diperuntukkan sejak 3 tahun yang lalu.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM6.269 juta bagi tempoh dari tahun 2012 sehingga 2014 untuk pelaksanaan program akuakultur di Empangan Batang Ai. Program yang terlibat meliputi Zon Industri Akuakultur (ZIA) dan Program Khas Golongan Bumiputra Minoriti (PKGBM).

Objektif pelaksanaan program ini adalah untuk membangunkan pengusaha akuakultur tempatan sedia ada dan baru secara komersil dan seterusnya membangunkan Empangan Batang Ai sebagai Hub Akuakultur. Program tersebut juga membolehkan Kerajaan mentransformasi pengusaha-pengusaha kecil menjadi lebih kompetitif, berdaya saing, sistematik dan berorientasikan teknologi.

Bagi program Zon Industri Akuakultur (ZIA), peruntukan sebanyak RM600 ribu telah memberi manfaat kepada seramai 30 orang peserta dalam bentuk bantuan anak benih, makanan ikan dan sangkar. Manakala melalui Program Khas Golongan Bumiputra Minoriti (PKGBM), seramai 68 orang peserta telah menerima manfaat daripada peruntukan sebanyak RM5.669 juta. Skop di bawah program ini meliputi

perolehan input pertanian, pembangunan kawasan, penyediaan sangkar, bantuan hatceri serta pemantauan dan penyeliaan.

Berdasarkan kepada pemantauan yang dijalankan secara berkala setiap bulan, didapati peserta-peserta bagi kedua-dua program ini berjaya memperoleh pendapatan purata melebihi RM2,000 sehingga RM5,000 sebulan.